

Headline	Jeff Lau kembali rentas Gurun Sahara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	(Men SIT! AIRUNNISA ALAUI)	AdValue	RM 9,454
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,362



Jeff Lau kembali rentas Gurun Sahara

Sanggup redah panas demi sebar mesej bahaya AIDS

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI
airunnisa.alau@utusan.com.my



DUA tahun lalu, ahli Kelab Belia Reben Merah (RRYC), **Jeff Lau** dan Pemegang Amanah Yayasan AIDS Malaysia (MAF), Ralph Dixon sanggup merentasi laluan paling sukar di bumi, Gurun Sahara, demi mengumpul dana selain menyampaikan mesej kesedaran tentang penyakit HIV/AIDS kepada orang ramai.

Biar pun pernah mengakui enggan lagi kembali ke sana kerana tidak mahu lagi melalui kesukaran yang sama ketika menamatkan cabaran *MAF Marathon des Sables 2014* sejauh 251 kilometer, anak muda berusia 26 tahun itu akhirnya 'tewas' dengan penderitaan yang dilalui penghidap penyakit itu yang masih memerlukan dana untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Atas keprihatinan itu, Jeff Lau atau nama sebenarnya Lau Jun Tean buat kali keduanya menyahut cabaran merentasi gurun yang sama demi membantu golongan berkenaan melalui misi kesedaran itu agar memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang golongan berkenaan yang perlu diberi sokongan.

Dia yang bakal merentasi gurun terbesar di dunia itu berharap, usaha dan semangatnya itu dapat membantu MAF mengutip dana bagi membantu golongan berkenaan.

"Apa yang saya buat ini mungkin tidak setanding dengan apa yang ditanggung penghidap HIV/AIDS yang memerlukan bantuan wang serta sokongan daripada masyarakat. Justeru, saya berharap lebih ramai yang tampil untuk memberi sokongan," katanya pada majlis pengumuman penyertaannya di *MAF Marathon des Sables 2016* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Penyertaan Jeff bersama Dixon di *MAF Marathon des Sables* pada tahun 2014 berjaya mengumpul dana sebanyak RM80,000 untuk MAF.

Bagaimanapun misi kali kedua ini bakal menyaksikan Jeff Lau menyertai acara yang telah memasuki edisi ke 31 itu bersendirian tanpa Dixon.

Akuinya, dia bakal merentasi padang pasir itu bersama 1,000 peserta lain dari seluruh dunia yang dijangka mengambil masa selama enam hari bermula 8 hingga 18 April depan.

"Ketika ini, saya menjalankan latihan setiap hari sejauh tujuh kilometer untuk menguatkan stamina, fizikal dan mental sebagai persediaan pada penganjuran maraton itu nanti.

"Apa yang pasti selain perlu berdepan dengan suhu panas yang mencecah 50 darjah Celsius pada waktu siang dan turun sehingga 10 darjah Celsius pada waktu malam, saya yakin pasti ada cabaran-cabaran lain," katanya yang dipilih sebagai ikon RRYC Disember tahun lalu.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat MAF, **Hisham Hussien** berkata, penyertaan kali kedua Jeff dalam usaha membantu MAF amat dihargai dan memberi motivasi kepada golongan muda melakukan kerja-kerja sukarelawan sekali gus memberi kesedaran kepada golongan berkenaan tentang HIV/AIDS.

"Mengikut statistik tahun lalu, sebanyak 105,189 dilaporkan menghidap HIV dengan 3,517 kes baharu dan seramai 17,096 penghidap AIDS dilaporkan maut. Jumlah terkini mereka yang hidup dengan HIV di Malaysia adalah seramai 88,093 orang.

"Apa yang membimbangkan, 33 peratus golongan muda berusia 20 hingga 29 tahun dilaporkan dijangkiti virus HIV, manakala 42 peratus berusia 30 hingga 39 tahun dengan 89 peratus adalah lelaki manakala 11 peratus lagi adalah wanita. Seramai 1,114 adalah golongan kanak-kanak berusia 13 tahun ke atas," katanya.

Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

Headline	Jeff Lau kembali rentas Gurun Sahara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	(Men SIT! AIRUNNISA ALAUI	AdValue	RM 9,454
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,362



Info

- **Marathon des Sables** disenaraikan oleh Discovery Channel sebagai larian paling mencabar di muka bumi ini.
- Dikenali dengan singkatan MdS. Larian ini menempuhi pelbagai peringkat cabaran dalam bentuk muka bumi dan cuaca yang cukup ekstrem di Gurun Sahara.
- Peraturan pertandingan, peserta boleh membawa apa sahaja ketika berlari kecuali air. Peserta juga diberi khemah untuk tidur pada waktu malam dan peralatan lain serta makanan.
- Pertama kali diperkenalkan oleh Patrick Bauer pada 1986 dan kini memasuki tahun ke 30.
- Pertandingan ini terbuka kepada individu atau berpasukan, pelari amatir dan profesional.
- Jarak larian melebihi 250 kilometer (bergantung kepada setiap edisi)



ian

Headline	Jeff Lau kembali rentas Gurun Sahara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	(Men SIT! AIRUNNISA ALAUI	AdValue	RM 9,454
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,362



JEFF LAU di samping poster *Marathon des Sables Edisi 2016* pada majlis mengumumkan penyertaannya dalam maraton tersebut di Kuala Lumpur, baru-baru ini.